

06/12/1999

Perkembangan politik semasa dedah Brutus Umno

Mior Kamarul Shahid

PAS tidak boleh menafikan mereka berjaya memperalatkan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk meraih undi dalam pilihan raya umum lalu. Apa yang pasti dengan berakhirnya pilihan raya ini, faktor Anwar tidak lagi menjadi agenda parti itu. Pemimpin Pas sudah membayangkan bahawa faktor Anwar akan terus dilupakan. Di kalangan pemimpin Parti Keadilan Nasional (Keadilan) sendiri, mereka tidak yakin isu Anwar akan terus mendapat tempat di hati rakyat selepas parti itu tewas teruk. Keadilan hanya mampu memenangi lima kerusi Parlimen.

Timbalan Presiden Keadilan, Chandra Muzaffar dalam temubual dengan CNN dengan jelas menyatakan Anwar akan dilupakan berikutan kekalahan barisan alternatif dalam pilihan raya lalu.

"Saya sedih terhadap keputusan barisan alternatif dalam pilihan raya lalu kerana selepas ini Anwar akan dilupakan," katanya.

Bagaimana pun, bagi Barisan Nasional (BN) dan Umno, faktor Anwar tidak boleh luput daripada sejarah perjuangan parti. Ini kerana Anwar pernah bersama mempertahankan Umno dan kini bertindak memecah-belahkan perpaduan parti dan orang Melayu.

Sesungguhnya keputusan pilihan raya lalu memberi hikmah kepada Umno. Ini kerana timbul kesedaran dalam Umno bahawa sebelum ini parti itu pernah menantang Anwar dan meletakkannya di tempat paling tinggi tetapi akhirnya beliau membuat angkara.

Angkara yang dilakukannya memberi kelebihan kepada Pas untuk terus kekal di Kelantan dan menawan Terengganu.

Semua peristiwa itu mengingatkan semula kata-kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; "orang politik kerap memberi alasan yang mulia apabila membenarkan yang salah". Beliau bercakap mengenai perkara itu ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno pada 20 November 1994 apabila menceritakan keburukan sikap Marcus Junius Brutus yang sanggup bertindak membunuh Julius Caesar, kononnya untuk menyelamatkan Rome.

Ingatan pertama beliau mengenai perkara yang sama dibuat pada Perhimpunan Agung Umno 1987. Walaupun ingatan pada 1987 itu lebih ditujukan kepada peristiwa semasa yang mencetuskan perpecahan dalam Umno tetapi ingatan beliau pada 1994 adalah dengan nada berbeza. Ketika itu politik wang begitu menjadi-jadi dalam Umno. Siapa yang menggunakan wang, mereka membuat percaturan siapa yang patut dinaikkan dan siapa pula yang wajar disingkirkan.

Dalam kedua-dua ingatan Dr Mahathir itu, tidak ada orang yang dapat menunjukkan dengan jelas siapakah Brutus yang dimaksudkannya. Dr Mahathir hanya memberi gambaran bahawa Brutus ialah "orang yang bernaflu besar." Mungkin hari ini bayangan orang yang bernaflu besar itu dapat dikenali sejelas-jelasnya. Kelibat orang itu dikesan berikutan sikap dan tingkah lakunya yang gelojoh dan tidak sabar menjadi pemimpin agung. Orang itu menjadi lebih angkuh kerana percaya di belakangnya sudah tersedia pengikut setia yang begitu yakin dengan gaya kepemimpinannya.

Sokongan bukan saja diterima dari dalam parti, malah menerusi badan tertentu di luar negara. Jika orang ini diberi jolokan sebagai bakal pemimpin Malaysia dan peneraju Asia oleh media Barat, ia sengaja diberikan untuk membentuk imej kepemimpinannya. Perang saraf ini berjaya ditanam ke dalam pemikiran rakyat Malaysia.

Di media asing, orang terbabit ditonjolkan sebagai tokoh berwibawa yang

kononnya mampu menerajui Malaysia bagi menghadapi cabaran akan datang. Kelebihan imej Islam yang ada pada dirinya dimanipulasi sama ada menerusi perawakan atau kandungan ucapannya.

Dengan menggunakan alasan yang mulia sebagaimana dilakukan Brutus, orang itu menuduh pemimpin kerajaan terutama Dr Mahathir mengamalkan rasuah, memberi laba kepada kroni dan sebagainya. Ketika bersama-sama membuat keputusan, segalanya disokong tetapi apabila tersingkir, semuanya salah.

Akibat terlalu banyak tuduhan yang dilemparkan terhadap kerajaan, Pas menanggung di air keruh yang bermakna Pas sendiri tidak pasti sama ada tuduhan itu benar atau direka oleh Anwar. Tuduhan seperti itu memberi kesempatan kepada Pas untuk mengocakkan lagi keadaan. Sebelum ini Pas marah kepada Anwar kerana menjangkakan beliau akan menyertai parti itu.

Menyedari Pas tidak mampu menguruskan negara dan tidak mungkin mendapat ganjaran, Anwar menganggotai Umno pada 1981. Anwar membawa sekali pengikutnya dalam Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim). Anwar tahu, beliau tidak akan berkuasa jika menganggotai Pas. Kemasukannya ke dalam Umno semata-mata kerana mahu jawatan tinggi dalam kerajaan. Hanya dengan menyertai Umno, beliau dapat memenuhi cita-citanya dalam masa singkat, walaupun ramai pemimpin kanan merajuk kepada Umno.

Anwar menaiki tangga kepemimpinan Umno paling pantas berbanding mereka yang sudah lama berjuang. Kehadiran Anwar dalam Umno hanyalah pada jasadnya sedangkan kosong dari segi semangat dan komitmen.

Kemasukan Anwar dalam Umno menjadi tamparan hebat kepada Pas. Anwar menjadi musuh nombor satu Pas, apatah lagi Anwarlah yang paling lantang meremehkan Pas. Perkataan maki-hamun, laih, parti bangkrap dan sebagainya begitu lancang terpacul dari mulut Anwar. Ketika itu keyakinan rakyat terhadap Anwar memuncak kerana menyangka beliaulah yang akan melemahkan Pas.

Sebelum pilihan raya lalu, Pas terus mencelupkan tangannya ke dalam air yang keruh itu untuk mencuba nasib. Nasib Pas kali ini agak baik kerana tanggukannya mengena. Isu berbangkit berikutan penyingkiran bekas Timbalan Perdana Menteri itu dari Kabinet dan Umno, diguna sepenuhnya untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa kerajaan zalim.

Disebabkan parti itu menggunakan lambang Islam yang kononnya berjuang untuk menegakkan keadilan, rakyat lebih mudah terpedaya. Mereka mempersoalkan kewibawaan sistem kehakiman untuk mengabui mata rakyat yang kurang arif dengan peraturan mahkamah. Mereka mengambil bahagian dalam setiap perhimpunan haram yang dianjurkan atas nama reformasi yang ditiru dari Indonesia.

Pas sebenarnya bukan membela Anwar tetapi sekadar mahu memeralatkan isu yang menghantui Anwar. Keadilan yang ditubuhkan untuk membela Anwar tersungkur walaupun begitu banyak simpati ditagih daripada rakyat menerusi Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang memimpin parti itu.

Sejak kehadiran Anwar dalam Umno pada 1981, beliau lebih banyak memporak-perandakan parti yang ditubuhkan pada 1946 itu. Anwar hanya bersandarkan imej warak dan idealismenya, tetapi menyembunyikan nafsu besarnya untuk menjadi Perdana Menteri dalam masa singkat. Beliau menonjolkan kepetahan berpidato untuk menarik hati rakyat. Malangnya, Anwar tidak yakin kepada janji Dr Mahathir yang mendidiknya, bahawa jawatan Perdana Menteri akan diserahkan kepada beliau apabila tiba masanya. Bukan sekali dua, janji diluahkan tetapi kerakusan nafsu tidak dapat menghalang beliau mengatur langkah untuk menjatuhkan Dr Mahathir. Selagi ada dokumen yang membabitkan urusan pentadbiran kerajaan disembunyikan untuk dijadikan senjata membuat ugutan. Setiap mereka yang dianggap "musuh" disingkirkan secara politik bagi membolehnya melalui jalan mudah.

Anwar yang sememangnya berjiwa "pemberontak" sejak memimpin Abim, mahu

menjawab jawatan Perdana Menteri dalam suasana penuh kontroversi. Penganalisis politik meramalkan Anwar akan menentang Dr Mahathir pada pemilihan Umno pada 2000. Dengan membangkitkan isu kroni, nepotisme, kolusi, Anwar sudah mula mengocakkan suasana. Namun, beliau tidak sempat memenuhi cita-citanya kerana terpaksa memenuhi tuntutan undang-undang terhadap kesalahan menggunakan kuasa yang dilakukannya berikutan terdedahnya buku mengenai salah laku beliau.

Anwar mula meningkat dalam hierarki kepimpinan Umno dalam suasana penuh kontroversi dengan mencabar Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin untuk merebut tahta Ketua Pergerakan Pemuda Umno pada 1982.

Pada 1987, Umno berpecah kepada Team A dan Team B. Ramai yang mengandaikan perpecahan itu berpunca daripada tentangan Tengku Razaleigh terhadap Dr Mahathir. Pergolakan bertambah hebat apabila sebelum itu Timbalan Perdana Menteri ketika itu Datuk Musa Hitam (Tan Sri) meletakkan jawatan dan menentang Ghafar Baba (Tun) untuk jawatan Timbalan Presiden Umno.

Sikap Dr Mahathir yang terlalu memberi muka kepada Anwar juga tidak boleh ditolak begitu saja sebagai punca perpecahan Umno. Anwar menggunakan nama Dr Mahathir untuk berkempen bagi jawatan Naib Presiden Umno sehingga membolehkan beliau menyingkirkan ramai pemimpin Umno yang lebih kanan.

Anwar memberi gambaran tidak ada orang lain lebih layak untuk membantu Dr Mahathir. Ghafar Baba yang ketika itu menjadi Timbalan Perdana Menteri juga dipandang remeh sejak awal lagi. Mereka yang tidak berpuas hati dengan pucuk pimpinan Umno bertindak keluar daripada parti menubuhkan Parti Melayu Semangat 46 (S46). Walaupun ia dilakukan berikutan tindakan mahkamah yang diambil Team B, hakikatnya mereka tidak berpuas hati dengan penonjolan mendadak Anwar yang menggunakan nama Dr Mahathir untuk menaiki hierarki kepimpinan tertinggi dalam parti. Dengan ketiadaan tokoh utama dalam parti seperti Musa, Tengku Razaleigh, Datuk Rais Yatim, Datuk Harun Idris, Datuk Manan Othman dan beberapa pemimpin lain, Anwar tidak perlu melalui begitu banyak ranjau. Beliau dengan mudah menyingkirkan Ghafar untuk jawatan Timbalan Presiden Umno.

Ketika S46 dibubarkan tiga tahun lalu dan kemudian semua pemimpin parti itu menyertai semula Umno, tanda keresahan wujud dalam diri Anwar. Beliau sedar peluangnya tidak semudah sebelum ini. Beliau perlu menubuhkan Dr Mahathir sebelum bekas pemimpin S46 bertapak semula dalam Umno.

Ketika menjawab jawatan Timbalan Presiden Umno, Anwar memperkukuhkan kedudukannya untuk memastikan tiga Naib Presiden mestilah daripada "rakit" yang sama. Anwar menjadi begitu kuat sehingga Datuk Abdullah Ahmad Badawi pernah tersingkir daripada jawatan Naib Presiden Umno tetapi berjaya merebutnya semula tiga tahun kemudian.

Begitu juga dengan Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno yang mesti menyokongnya. Umno berkocak kerana Anwar mengatur siapa patut naik dan siapa patut jatuh. Walaupun Anwar wajar dipersalahkan, namun Umno juga tidak boleh lari daripada tanggungjawabnya kerana membiarkan keadaan itu berlarutan. Sejak awal, Umno gagal mengesan tindak tanduk Anwar. Sebaliknya, beliau menjadi anak emas dalam Umno.

Pada awalnya kemasukan Anwar boleh dianggap melemahkan Pas tetapi kini Anwar bertindak melemahkan Umno. Pengikut yang dibawa bersama terutama anggota Abim, kini mengikutinya menerusi Keadilan atau Pas, tanda bantahan terhadap Umno.

Umno tanpa Anwar tetap menang dalam pilihan raya umum lalu. Umno sudah pun belajar daripada kesilapannya dan terpulanglah cara mana ia harus mengembalikan kegemilangan Umno supaya diterima sepenuhnya oleh orang Melayu dan semua rakyat Malaysia.

(END)